



جابتن حال إحوال اِكْنام إسلام قولواو قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**MAHIR DUNIA,  
BERKAT AKHIRAT**



Tarikh Bacaan:  
**19 JUN 2026M / 26 ZULHIJJAH 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Mahir Dunia, Berkah Akhirat

19 Jun 2026M / 26 Zulhijjah 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُدَ مِنَّا فَضْلًا يَجِبَالٌ اٰوِيٍّ مَعَهُ وَالطَّيْرُ وَالتَّالِيَ لَهُ الْحَدِيدَ ﴿٥١﴾ اِنْ اَعْمَلَ سَبِيغَتٍ وَقَدَّرَ فِي السَّرْدِ وَاَعْمَلُوا صٰلِحًا اِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيْرٌ ﴿٥٢﴾ سورة سبأ

أَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،  
وَأَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعٰلَمِيْنَ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.  
اَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللهَ يَا عِبَادَ اللهِ وَاَطِيعُوهُ، وَاَعْلَمُوا اَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَاَنَّ مَا عِنْدَ اللهِ  
خَيْرٌ وَاَبْقٰى.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan menyeru kepada sidang jemaah yang dikasihi sekalian. Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى* dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara lagha seperti bersembang-sembang, bermain telefon bimbit. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **Mahir Dunia, Berkah Akhirat.**

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pembangunan sesebuah negara tidak akan pernah tegak berdiri tanpa sokongan padu oleh tenaga kerja yang berpengetahuan luas,



berkemahiran tinggi dan berdaya saing. Maka sebagai umat Islam, kita tidak boleh hanya memandang ilmu dalam ruang yang sempit, bahkan wajib mengingatkannya sebagai kekuatan besar yang membina tamadun dan menentukan masa depan ummah.

Sesungguhnya anak-anak adalah amanah yang tidak ternilai, pewaris perjuangan dan penyambung cita-cita bangsa. Maka janganlah kita membataskan mereka dengan ilmu teori semata-mata, sedangkan bidang kemahiran, teknikal dan vokasional sangat terbuka luas, menjanjikan peluang, rezeki dan kemuliaan hidup. Andai kita lalai dan memandang ringan, nescaya ruang ini akan dipelopori oleh pihak lain, sementara kita terus ketinggalan. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam Surah Saba' ayat 10 dan 11 yang telah dibaca di awal khutbah maksudnya:

*“Dan sesungguhnya, Kami telah berikan kepada Nabi Daud *عَلَيْهِ السَّلَامُ* kurniaan daripada Kami. (Kami berfirman): Wahai gunung-ganang, dan burung-burung bertasbihlah berulang-ulang bersama-sama! Kami juga telah melembutkan besi untuknya). (Serta Kami wahyukan kepadanya): Buatlah baju besi yang luas dan labuh serta sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki, dan lakukanlah (wahai Daud dan umatmu) amalan yang soleh. Sesungguhnya Aku Maha Melihat segala yang kamu lakukan.”*

Dalam ayat tersebut, Allah mengisahkan tentang Nabi Daud *عَلَيْهِ السَّلَامُ* yang dikurniakan kepakaran luar biasa dalam bidang besi, sebagai bukti bahawa kemahiran adalah anugerah yang tinggi nilainya di sisi agama. Namun, kemahiran semata-mata tidak mencukupi tanpa disertai akhlak yang mulia. Tanpa jati diri yang kukuh, kemahiran boleh

disalahgunakan hingga membawa kerosakan dan pengkhianatan. Oleh itu, kemahiran mesti digandingkan dengan amanah dan akhlak terpuji. Inilah asas keunggulan peribadi para nabi dalam membina insan dan peradaban.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dari perspektif Islam, seseorang pekerja dinilai melalui kemampuan melaksanakan tugas dengan cekap dan berintegriti dalam memikul amanah. Pekerja yang unggul ialah mereka yang memiliki sifat al-Qawiy (kuat dan berkemahiran) serta al-Amin (jujur dan dipercayai). Gabungan kedua-dua nilai ini menjadi teras kepada pembentukan tenaga kerja yang cemerlang.

Sehubungan itu, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berperanan menggabungkan kedua-dua elemen ini melalui penyediaan ilmu yang tepat, latihan yang sistematik serta pembinaan akhlak kerja yang terpuji. Hasilnya, lahirlah tenaga kerja yang bukan sahaja mahir dalam bidangnya, bahkan beretika tinggi serta berpegang teguh kepada amanah. Rasul Allah ﷺ bersabda:

**إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ**

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah mencintai apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu kerja, dia menekuninya”*.

(Hadis Riwayat al-Baihaqi)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) menetapkan TVET sebagai pemacu utama pembangunan negara, dengan peruntukan melebihi RM6.6 bilion bagi mempertingkatkan kemudahan latihan, peralatan moden dan program pensijilan. Menjelang tahun 2030, disasarkan 50% tenaga kerja negara terdiri daripada pekerja berkemahiran tinggi, sekaligus membuktikan bahawa pembangunan kemahiran adalah agenda utama ke arah negara hijau bagi memastikan pembangunan industri berlaku tanpa menjejaskan alam sekitar. Aspek kesejahteraan pula diperkukuh melalui peluang pekerjaan bermaruah, pendapatan yang adil dan persekitaran kerja yang selamat.

Dalam masa yang sama, TVET memupuk daya cipta melalui latihan berasaskan projek, penyelesaian masalah serta penggunaan teknologi moden seperti IR4.0. TVET juga memfokuskan kepada bidang pertanian yang bukan sekadar membuka peluang pekerjaan bahkan menjadi medan membina generasi mahir yang mampu mengangkat martabat ekonomi ummah, menjamin sekuriti makanan negara dan memanfaatkan bumi Allah dengan ilmu, teknologi dan akhlak yang berteraskan syariat.

Nilai hormat dan keyakinan turut diterapkan melalui adab profesional, pematuhan piawaian, serta amalan integriti. Akhirnya, nilai ihsan disemai melalui kualiti kerja yang teliti, layanan yang baik serta keprihatinan terhadap keselamatan dan kebajikan.

Justeru, marilah kita bersama-sama menyokong usaha memperkukuh sistem TVET dengan meningkatkan kemudahan serta memperkasa pendidikan teknikal, demi melahirkan generasi muda yang berilmu dan berkemahiran selari dengan keperluan industri masa hadapan. Sesungguhnya, TVET bukan sahaja membina kemahiran,

bahkan turut membentuk budaya kerja yang beretika, berdaya saing dan sejahtera.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pulau Pinang sebagai salah satu negeri yang mempunyai ekosistem industri dan perkhidmatan yang pesat berkembang memerlukan perhatian dan tindakan bersama dalam memperkasa TVET. Bangkitlah wahai umat Islam, marilah kita melahirkan generasi rabbani yang berilmu dan berkemahiran demi kekuatan ekonomi negara, kesejahteraan masyarakat dan keharmonian keluarga.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, berikut beberapa pengajaran untuk renungan bersama:

**Pertama:** Ibu bapa perlu mengubah tanggapan bahawa TVET ialah pilihan kedua, sebaliknya melihatnya sebagai laluan kerjaya yang cerah.

**Kedua:** Anak muda hendaklah bijak memilih bidang sesuai dengan bakat di samping memperkukuh kemahiran serta memelihara keutuhan iman.

**Ketiga:** Para pendidik perlu membimbing dengan budaya itqan, amanah dan jujur.

**Keempat:** Majikan bertanggungjawab menyediakan latihan yang berkualiti serta persekitaran kerja yang beretika.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah at-Taubah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ

وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٣٥﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad), Beramallah kamu (dengan segala yang diperintahkan). Maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat amalan kamu itu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Maha Mengetahui sesuatu yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia memberitahu kamu apa yang telah kamu lakukan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024  
telah memutuskan seperti berikut:

Pihak yang bertanggungjawab dikehendaki memaklumkan kadar upah yang dikenakan semasa pengumpulan dana kepada para penderma berdasarkan syarat dalam akad wakalah bi al-ujrah. Hal ini bagi memastikan mereka sedia maklum tentang jumlah yang diperuntukkan daripada sumbangan untuk tujuan pengurusan. Jika kadar upah tidak dimaklumkan, ia akan menyebabkan upah yang diambil adalah haram kerana akad tersebut batil dan tidak sah.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاحْذُلْ مَنْ حَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فَيْمَنُ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُولاو فَيْنِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًا  
سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;  
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan  
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan  
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG